



## TERMA & SYARAT KAD KREDIT HONG LEONG ESSENTIAL

Dikemas Kini pada 21 November 2022

Terma dan syarat Kad Kredit Hong Leong Essential (“**T&S**”) ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pemegang Kad (“**Perjanjian**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”). Selain daripada perubahan seperti tertera di bawah ini, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diguna pakai. Sekiranya terdapat sebarang perenggahan antara terma dan syarat Perjanjian dengan T&S ini, maka T&S ini hendaklah diutamakan setakat mana yang terpakai kepada Kad Kredit Hong Leong Essential (“**Kad Essential**”). Dengan menerima Kad Essential ini, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan Perjanjian.

### 1. Definisi

- (i) “**Akaun Kad**” bermaksud akaun Pemegang Kad Utama yang dibuka bagi Kad dengan HLB.
- (ii) “**Pemegang Kad**” bermaksud individu yang namanya tertera pada Kad sama ada “**Pemegang Kad Utama**” dan/atau “**Pemegang Kad Tambahan**” melainkan dinyatakan sebaliknya.
- (iii) “**Pemegang Kad Tambahan**” bermaksud individu yang kepadanya Kad Tambahan dikeluarkan oleh HLB berikutan permohonan oleh Pemegang Kad Utama.
- (iv) “**Aplikasi HLB Connect**” bermaksud Perbankan Mudah Alih HLB Connect.
- (a) “**Transaksi QR Pay**” transaksi runcit dibuat melalui Aplikasi HLB Connect menggunakan QR Pay.
- (v) “**Penyata**” bermaksud penyata berkala yang dikeluarkan oleh HLB kepada Pemegang Kad berhubung dengan Akaun Kad yang menunjukkan jumlah baki, sebarang caj kewangan, yuran, caj, jumlah minimum yang perlu dibayar dan tarikh akhir pembayaran.

### 2. Pulangan Tunai

**Kad Essential** memperoleh sehingga 1% Pulangan Tunai atas semua Transaksi Runcit yang sah (seperti ditakrif di bawah).

- (i) Pulangan Tunai:
  - 0.4% Pulangan Tunai bagi semua transaksi insurans
  - Bagi Transaksi Runcit
    - Tingkat 1 – 0.4% Pulangan Tunai bagi perbelanjaan Ringgit Malaysia Tujuh Ribu (RM7,000) pertama
    - Tingkat 2 – 1% Pulangan Tunai bagi perbelanjaan seterusnya
- (ii) Jumlah Pulangan Tunai yang layak oleh Pemegang Kad dihadkan pada Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300) setiap bulan.
  - (iii) Transaksi Runcit bermakna pembelian apa-apa barang atau perkhidmatan di dalam atau luar negara yang telah dilakukan atau dicaj kepada Kad Essential tetapi TIDAK TERMASUK semua transaksi berkaitan Kerajaan, JomPAY dan/atau pembayaran bil FPX, Pendahuluan Tunai, Kuasi Tunai (transaksi berkaitan pertaruhan dan perjudian); Quick Cash (“**QC**”), Quick Cash Fi Sekali (“**QC OTF**”), Pelan Bayaran Fleksi (“**FPP**”), Pindahan Baki (“**BT**”), Caj Kewangan, Caj Lewat, Bayaran Fi Tahunan dan Transaksi QR Pay melalui Aplikasi HLB Connect. Bagi mengelakkan keraguan, senarai di bawah ini tidak lengkap dan **HLB** berhak mutlak untuk menentukan bahawa sesuatu transaksi terangkum dalam takrif Transaksi Runcit atau Pembelanjaan Runcit.
- (iv) Pulangan Tunai akan dikreditkan dan dipaparkan dalam Penyata bulanan Pemegang Kad pada setiap kitaran pengebilan/tarikh penyata.
- (v) Pulangan Tunai akan dikira pada akhir setiap kitaran pengebilan/tarikh penyata. Pulangan Tunai terkumpul akan dikreditkan kepada Penyata bulanan Pemegang Kad. Kredit Pulangan Tunai boleh



atau akan digunakan untuk menjelaskan apa-apa baki belum lunas yang tertunggak dalam Akaun Kad. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa Pulangan Tunai yang perlu dibayar kepada Pemegang Kad akan dicatatkan dalam Akaun Kad dan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad bagi bulan berkenaan. Sekiranya Pulangan Tunai yang perlu dibayar kepada Pemegang Kad adalah pada tarikh Penyata Pemegang Kad, maka Pulangan Tunai hanya akan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad pada bulan berikutnya. Sekiranya Penyata Pemegang Kad adalah pada hari ketiga puluh satu (31) bulan itu, Pulangan Tunai hanya akan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad setiap dua (2) bulan sekali.

- (vi) HLB berhak dari semasa ke semasa, setelah memberi notis awal, meminda peratusan Pulangan Tunai menurut budi bicaranya.

### **3. Mata Ganjaran**

Kad Essential tidak memberi apa-apa Mata Ganjaran.

### **4. Perhatian Khas**

Kad Essential tidak menawarkan pelan insurans percuma secara automatik.

### **5. Perubahan Ciri Produk**

HLB berhak, dan dari semasa ke semasa, meminda, mengubah atau menukar mana-mana ciri-ciri produk bagi Kad Essential atau menarik balik Kad Essential pada bila-bila masa, setelah memberi notis awal kepada Pemegang Kad dan pindaan tersebut adalah berkuat kuasa pada tarikh yang HLB pilih untuk dilaksanakan. Seiring itu, HLB boleh terus menghantar kepada Pemegang Kad atau membuat pemakluman dalam media massa atau meletak notis dalam dewan legar HLB atau laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau apa-apa cara yang HLB dapat sesuai berkenaan penambahan, pengubahsuaian atau pemindaan tersebut tentang ciri-ciri produk berkenaan.

### **6. Tafsiran**

- (a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar mempunyai pengertian yang sama seperti mana ditakrif dalam Perjanjian kecuali ditakrif secara khusus dalam T&S ini.
- (b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral, dan begitu juga sebaliknya.
- (c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang sedang melayani anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my).